							SMS(SS)	1
291	PAL3115	Pembangunan Lestari	3	K6	40	Tengku Fara Kamilia Binti Tengku Mohd Kamil	SMSA(TLT)	1
							SMSA(ST)	1
							SMSA(A)	1
292	PAL3115	Pembangunan Lestari	3	K7	40	Ahmad Farid Bin Abdul Fuad	SMP(PSS)	1
							SMP(M)	1
							SMP(PL)	1
							SMP(P)	1
293	PAL3115	Pembangunan Lestari	3	K8	40	Wendy Wee	SMS(MKE)	1
							SMS(SNPM)	1
							SMS(MKO)	1
							SMSG(TM)	1
294	PAL3115	Pembangunan Lestari	3	K9	40	Mohamed Shahrir Bin Mohamed Zahari	SMSG(PPB)	1
							SMSM(TM)	1
							SMS(SB)	1
							SMS(BM)	1

295	PAL3116	Haiwan Dan Masyarakat	3	K1	40	Nor Afandy Bin Hamid @ Hamad	Semua Program	Semua Tahun
296	PAL3200	Kelestarian Ekonomi	3	K1	90	Mohd Azmi Muhammed Idris	Semua Program	Semua Tahun
297	PAL3202	Etika Dalam Organisasi	3	K1	40	Ridzuan Bin Yaakob	Semua Program	Semua Tahun
298	PAL3203	Kewangan Peribadi	2	K1	40	Maznah Bt Salleh	Semua Program	Semua Tahun
299	PAL3205	Pelaburan Dalam Pasaran Kewangan	3	K1	40	Zaharul Nizal Bin Zabidi	Semua Program	Semua Tahun
300	PAL3206	Pengurusan Kos Dalam Perniagaan	3	K1	50	Norlidawahi Bt Wahab	Semua Program	Semua Tahun
301	PAL3207	Perakaunan Untuk Usahawan	3	K1	40	Ahmad Fakharuddin Bin Abdul Rahman	Semua Program	Semua Tahun
302	PAL3208	Prinsip Kewangan Islam	3	K1	40	Mohammad Rodzi Bin Embong	Semua Program	Semua Tahun

Kursus Teras Universiti terdiri daripada beberapa kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar UMT.

Bil.	Kod	Nama Kursus	Kredit
1.	BBB3101	Academic Writing Skills	3(3+0)
2.	BBB3102	Public Speaking	3(3+0)
3.	BBB3103	English for Occupational Purposes	3(3+0)
4.	PAL3000	Asas Keusahawanan	3(3+0)
5.	NCC2000	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2(2+0)
6.	NCC2001	Hubungan Etnik	2(2+0)
7.	NCC2002	Kenegaraan Malaysia	3(3+0)
8.		Ko-Kurikulum	3(2+1)
JUMLAH			22

Maklumat Umum

- 1) Pendaftaran kursus **BBB3101** dan **BBB3102**, pelajar perlu memenuhi syarat **MUET** iaitu mendapat **Band 3, 4, 5 dan 6**.
- 2) Manakala bagi pelajar yang mendapat keputusan **MUET Band 1 dan 2, DIWAJIBKAN** mengikuti dan **LULUS** kursus Bahasa Inggeris iaitu **English For Academic Communication 1 (BBB2000)**.
- 3) Kursus **MGM3103** hanya untuk pelajar lama yang mendaftar pada sesi 2014/2015.

SENARAI KURSUS PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS (ENGLISH LEARNING CENTER)

Kursus Teras Universiti

Kursus Teras Universiti terdiri daripada beberapa kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar UMT.

Bil.	Kod	Nama Kursus	Kredit
1.	BBB3101	Academic Writing Skills	3(3+0)
2.	BBB3102	Public Speaking	3(3+0)
3.	BBB3103	English for Occupational Purposes	3(3+0)

Kursus Elektif Universiti

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	BBB2000	English for Academic Communication 1	3(2+1)
2.	BBB3106	Introduction to World Culture	3(3+0)

SINOPSIS KURSUS PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS

BBB2000 : English For Academic Communication 1

Kredit : 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini direkabentuk untuk meningkatkan penguasaan bahasa pelajar terutamanya kemahiran bercakap dan menulis. Pelbagai petikan dan dialog akan diberikan untuk mencetus/memupuk idea dan pemikiran untuk aktiviti/tugasan lisan dan bertulis. Struktur ayat asas akan diulangaji dan perbendaharaan kata akan diberikan secara konsisten sepanjang kursus berjalan.

BBB3101 : Academic Writing Skills

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : *BBB2000–English for Academic Communication 1 (minimum grade C) or MUET Bands 3-6*

Kursus ini dirangka bagi memantapkan kemahiran penulisan pelajar. Ia memperkenalkan para pelajar kepada kemahiran yang diperlukan bagi menjadi penulis yang baik. Mereka juga akan dibimbing melalui proses-proses penulisan misalnya pra-penulisan, merangka, menulis draf serta menyunting bagi menghasilkan karangan yang teratur dan baik. Penekanan turut diberikan kepada aspek pemikiran kreatif dan kritis yang amat penting dalam proses penulisan.

BBB3102 : Public Speaking

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : *BBB2000–English for Academic Communication 1 (minimum grade C), or MUET Band 3 or above*

Kursus ini membantu para pelajar membina keyakinan dan kemahiran berinteraksi dengan orang lain secara efektif menggunakan norma-norma dan etika yang diperlukan. Pada permulaannya, para pelajar diajar untuk berkongsi idea and maklumat menggunakan perbendaharaan kata dan bahasa yang sesuai. Seterusnya, para pelajar dilatih mengemukakan ide dan hujah secara lisan dalam cara yang teratur dan menggunakan fungsi bahasa yang sesuai. Para pelajar juga diperkenalkan kepada sebutan dan lafaz perkataan-perkataan Bahasa Inggeris yang betul. Di samping itu, mereka diberi peluang meningkatkan kemahiran bersosial, rasa bertanggungjawab, dan kerja berpasukan.

BBB3103 : English Of Occupational Purposes

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : *Academic Writing Skills (BBB3101), Public Speaking (BBB3102)*

Kursus ini akan menyentuh pelbagai tajuk yang berkaitan dengan keperluan alam pekerjaan seperti menulis resume, memorandum dan kertas cadangan, bertutur semasa menghadiri temuduga pekerjaan dan mesyuarat, dan pembentangan idea di hadapan khalayak. Pelajar akan didedahkan kepada frasa-frasa bahasa yang biasa digunakan dan mengaplikasikan ia dalam situasi pekerjaan yang bersesuaian. Latihan bahasa dan praktikal akan diadakan sebagai pendedahan kepada keperluan komunikasi bahasa Inggeris di tempat kerja.

BBB3106 : Introduction To World Culture

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Students will be partnered with students from three institutions from different cultures around the world. Only two cultures meet at any one time. Partners switch in a round robin fashion during a semester so each institution is partnered with three other cultures, one at a time for three or four weeks each. Class sessions are conducted in real time using Internet based video and chat with continuity protocols in place.

SENARAI KURSUS JABATAN KENEGARAAN DAN PERADABAN

Kursus Teras Universiti

Kursus U1

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	NCC2001	Hubungan Etnik <i>Ethnic Relations</i>	3(3+0)
2.	NCC2000	Tamadun Islam & Tamadun Asia (TITAS) <i>Islamic And Asian Civilizations</i>	3(3+0)
3.	NCC2002	Kenegaraan Malaysia <i>Malaysian Nationhood</i>	3(3+0)
4.	NCC2003	<i>Malaysian Studies</i>	3(3+0)

Kursus Elektif Universiti

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	NCC3000	Islam dan Alam Sekitar <i>Islam And Environment</i>	3(3+0)
2.	NCC3001	Islam dan Ekonomi <i>Islam and Economics</i>	3(3+0)
3.	NCC3002	Islam dan Ideologi Masakini <i>Islam And Contemporary Ideologies</i>	3(3+0)
4.	NCC3003	Prinsip Kekeluargaan Islam <i>Principles Of Islamic Family</i>	3(3+0)
5.	NCC3004	Islam dan Kepemimpinan <i>Islam And Leadership</i>	3(3+0)
6.	NCC3005	Isu-Isu Kontemporari Politik Malaysia <i>Contemporary Issues In Malaysian Politics</i>	3(3+0)
7.	NCC3006	Personaliti Ulul Albab <i>Ulul Albab Personality</i>	3(3+0)
8.	NCC3007	Tasawwur Islam <i>Islamic World View</i>	3(3+0)
9.	NCC3008	Al Qur'an Dan Dunia Moden <i>Al-Quran And Modern World</i>	3(3+0)
10.	NCC3009	Hadith Pilihan <i>Selected Hadis</i>	3(3+0)
11.	NCC3010	Fiqh Ibadat <i>Juristic Study of 'Ibadat</i>	3(3+0)
12.	NCC3011	Da'i dan Masyarakat <i>Preacher And Community</i>	3(3+0)
13.	NCC3012	Falsafah Sains Islam <i>Islamic Philosophy of Science</i>	3(3+0)

SINOPSIS KURSUS JABATAN KENEGARAAN DAN PERADABAN

NCC2001 : Hubungan Etnik

Kredit : 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memfokuskan perbincangan berkenaan masyarakat pelbagai etnik serta hubungan etnik di Malaysia. Perbincangan bermula dengan konsep-konsep asas dan teori berkaitan hubungan etnik di Malaysia. Penekanan juga turut menjurus kepada pelbagai bidang yang berkait rapat dengan hubungan etnik meliputi perlembagaan, politik, ekonomi, agama dan pendidikan. Selain itu, pelbagai isu dan cabaran hubungan etnik di Malaysia dan global yang perlu ditangani juga turut disentuh. Di akhir kursus, para pelajar dapat memahami pelbagai usaha yang dilakukan dalam mengurus serta mengukuhkan kesepaduan sosial di Malaysia untuk mencapai matlamat akhir perpaduan negara dan integrasi nasional.

NCC2000 : Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kredit : 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bermula dengan pengenalan ilmu ketamadunan, interaksi antara pelbagai tamadun (Islam, Melayu, Cina, India dan Barat), pengaruh Islam dalam Tamadun Melayu serta peranannya dalam pembinaan Tamadun Malaysia. Kursus ini turut membincangkan isu-isu kontemporari Tamadun Islam dan Tamadun Asia selain pendekatan serta cabaran dalam proses pembangunan negara.

NCC2002 : Kenegaraan Malaysia

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan pengajian tentang hal-ehwal negara Malaysia. Ia bermula dengan latar belakang sejarah awal negara sehingga penubuhan Persekutuan Malaysia. Ia juga membincangkan beberapa aspek berkaitan sistem dan struktur pentadbiran di Malaysia termasuklah sistem demokrasi berparlimen, Perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara sebagai ideologi kebangsaan. Dasar-dasar utama negara seperti Dasar Pembangunan Negara, Dasar Luar Negara dan Wawasan 2020 juga turut dibincangkan

NCC2003 : Malaysian Studies

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

This course emphasizes on the Malaysian nationhood studies. It begins with the early historical background towards the formation of Malaysia federation. It also discusses several aspects related to the system and structure of government including the system of Parliamentary Democracy, Malaysian Constitution and Rukun Negara as the national ideology. Several national policies like National Development Policy, Foreign Policy as well as Wawasan 2020 also will be discussed.

NCC3000 : Islam dan Alam Sekitar (Islam and the Environment)

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pandangan umum Islam tentang pemuliharaan dan pemusnahan alam sekitar dan bagaimana pemahaman yang jelas terhadap persoalan ini dapat meningkatkan kesedaran manusia tentang kepentingan alam sekitar. Saranan dan gesaan al-Quran dan Sunnah tentang pemuliharaan alam sekitar akan dibincangkan. Ini termasuk perbincangan tentang asas tauhid dan kedudukan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Pemahaman umum undang-undang Islam berkaitan penggunaan tanah, air dan pencemaran udara juga akan disentuh.

NCC3001 : Islam dan Ekonomi (Islam and Economics)

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep umum ekonomi Islam yang menekankan kepada konsep harta serta kepentingannya. Konsep pencarian, penggunaan serta pengagihan harta juga akan dibincang. Ini termasuk perbincangan tentang konsep hak milik harta (*ownership*), serta tanggungjawab kemasyarakatan dalam pembangunan ekonomi Islam. Isu-isu semasa berkaitan institusi kewangan Islam turut disentuh selain perbincangan tentang kewajipan zakat dan pengharaman riba.

NCC3002 : Islam Dan Ideologi Masakini

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bermula dengan konsep umum Islam sebagai agama dan cara hidup. Konsep asas, sifat, ciri-ciri Islam serta kedudukan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber asas akan dibincangkan, diikuti dengan sejarah dan asal usul timbulnya pelbagai ideology masakini serta proses pertembungan dan peresapan ideology tersebut ke dalam masyarakat Islam. Kursus ini seterusnya memperkenalkan pelajar kepada beberapa bentuk ideology utama masakini, perbezaan dan persamaannya dengan Islam sebagai al-Din. Para pelajar juga akan didedahkan dengan pelbagai usaha yang boleh dijalankan dalam menghadapi dan menangani peresapan ideology tersebut.

NCC3003 : Prinsip Kekeluargaan Islam

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas mengenai sistem kekeluargaan dalam Islam. Ia bermula daripada mengenali hakikat manusia dan keperluan hidup berpasangan/berumahtangga, pemilihan pasangan hidup, pertunangan dan perkahwinan. Seterusnya peranan dan tanggungjawab setiap ahli keluarga seperti suami, isteri, ibubapa dan anak turut ditekankan. Beberapa permasalahan semasa yang berkaitrapat dengan sistem dan institusi kekeluargaan juga akan dibincangkan.

NCC3004 : Islam Dan Kepemimpinan

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pengetahuan asas mengenai kepemimpinan dalam Islam. Ia bermula dengan memahami tujuan penciptaan manusia sebagai khalifah. Seterusnya membincangkan konsep kepemimpinan dengan potensi yang dianugerahkan Allah kepada manusia dan tanggungjawab yang perlu dipenuhi di dalam kehidupan. Beberapa amalan kepemimpinan juga dibincangkan dan dikaitkan dengan konsep kepemimpinan Islam dan juga barat. Cabaran dan isu-isu semasa berkaitan kepemimpinan juga akan dibincangkan.

NCC3005 : Isu-Isu Kontemporari Politik Malaysia

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan isu-isu kontemporari serta perkembangan politik di Malaysia. Ianya akan membincangkan aspek-aspek utama yang mendasari politik Malaysia termasuklah sejarah, pendekatan, sistem pentadbiran dan kerajaan, ekonomi, ideology pemimpin serta peranan media. Pada akhir kursus ini, pelajar akan dapat menilai isu-isu semasa berkaitan politik Malaysia dengan rasional dan objektif.

NCC3006 : Personaliti Ulul Albab

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep Ulul Albab, personality, cirri-ciri yang mendasarinya serta pembinaan merangkumi elemen Qur'anic, Ensiklopedik, dan Ijtihadik. Selain penekanan terhadap keperibadian Rasulullah saw dan para sahabat, beberapa tokoh silam sejak zaman kerajaan Umayyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah serta tokoh kontemporari yang berpengaruh akan dibincangkan dari aspek keintelektualan yang dimiliki serta sumbangan mereka kepada masyarakat.

NCC3007 : Tasawwur Islam

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada tasawwur Islam yang merangkumi ketauhidan kepada Allah menerusi konsep Uluhiyyah, Rububiyah, Asma' dan Sifat. Kursus ini juga meneroka peranan manusia sebagai khalifah bumi yang perlu

menguruskan bumi berteraskan wahyu dan akal yang waras. Di samping itu, kursus ini juga menekankan aspek pertanggungjawaban manusia terhadap alam dan masyarakat serta cabaran semasa (ekonomi, sosial, politik dan budaya) yang perlu ditangani.

NCC3008 : Al Qur'an Dan Dunia Moden

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada ilmu al Quran merangkumi pengenalan al Quran, sejarah penurunan al Quran (*asbab al-Nuzul*), proses penghimpunan, penulisan serta ayat-ayat *makkiyyah* dan *madaniyyah*. Perkembangan ilmu tafsir serta isu-isu semasa yang berkaitan dengan ilmu al-Quran akan turut disentuh.

NCC3009 : Hadith Pilihan

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kepentingan ilmu hadith, pembahagian ilmu hadith dan kaedah beramal dengannya sebagai sumber hukum kedua dalam Islam. Pelajar juga akan mempelajari beberapa hadith terpilih merangkumi asas-asas ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

NCC3010 : Fiqh Ibadat

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar tentang prinsip asas dalam fiqh ibadat yang meliputi asas fardhu ain dan fardhu kifayah. Perbincangan dan perincian setiap bahagian akan diselangi dengan dalil-dalil pensyariatian, syarat dan kaedah pelaksanaannya. Isu-isu semasa berkaitan dengan pelaksanaan ibadah tersebut akan turut dibincangkan termasuk aspek praktikal dalam bab-bab tertentu.

NCC3011 : Da'i dan Masyarakat

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada ilmu dakwah merangkumi konsep dakwah, isi kandungan, kaedah, kumpulan sasaran, penggunaan teknologi dan juga kepimpinan dakwah yang baik. Proses dakwah melibatkan aktiviti atau program interaksi dengan kumpulan sasar dalam masyarakat daripada pelbagai latar belakang. Beberapa isu dan cabaran yang melibatkan aspek politik, ekonomi, sosial dan pendidikan juga akan dibincangkan dan dikaitkan dengan pendekatan dakwah yang berkesan.

NCC3012 : Falsafah Sains Islam

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk menelusuri kelahiran ilmu sains di dunia Timur yang bersifat holistik, serta pengalirannya ke dunia Barat yang berubah kepada orientasi sekular. Topik dibincangkan merangkumi konsep, matlamat, sejarah, serta kepentingan falsafah sains, hubungan sains dengan agama, dan perbandingan antara Falsafah sains Islam dan Barat. Pandangan alam sains Islam dibincangkan bagi melahirkan pemikiran dan pemahaman yang menyatu dan menyempurnakan sains Islam dan Barat dapat mendekatkan manusia kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

SENARAI KURSUS PUSAT KO-KURIKULUM

Kursus Teras Universiti

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	CCB2001	Pengurusan Acara	3(2+1)
2.	CCB2002	Lakon Pentas	3(2+1)
3.	CCB2003	Pengenalan Seni Persembahan Malaysia	3(2+1)
4.	CCB2004	Pengurusan Seni Dan Budaya	3(2+1)
5.	CCB2005	Asas Muzik Tradisional Melayu	3(2+1)
6.	CCP3311	Pemimpin 1	3(2+1)
7.	CCR2000	Asas Kecergasan Fizikal	3(2+1)
8.	CCR2001	Rekreasi Luar	3(2+1)
9.	CCR3000	Pancing Rekreasi	3(2+1)
10.	CCS3511	Renang Dan Keselamatan Air	3(1+2)
11.	CCU3161	Suksis 1	3(0+3)
12.	CCU3162	Suksis 2	3(0+3)
13.	CCU3163	Suksis 3	3(0+3)
14.	CCU3164	Suksis 4	3(0+3)
15.	CCU3171	Palapes (TLDM) 1	3(0+3)
16.	CCU3172	Palapes (TLDM) 2	3(0+3)
17.	CCU3173	Palapes (TLDM) 3	3(0+3)
18.	CCU3174	Palapes (TLDM) 4	3(0+3)
19.	CCU3175	Palapes (TLDM) 5	3(0+3)
20.	CCU3176	Palapes (TLDM) 6	3(0+3)
21.	CCU3181	Sispa 1	3(0+3)
22.	CCU3182	Sispa 2	3(0+3)
23.	CCU3183	Sispa 3	3(0+3)
24.	CCU3184	Sispa 4	3(0+3)
25.	CCU3191	Wataniah 1	3(0+3)

26.	CCU3192	Wataniah 2	3(0+3)
27.	CCU3193	Wataniah 3	3(0+3)
28.	CCU3194	Wataniah 4	3(0+3)
29	PAL3115	Pembangunan Lestari	3(3+0)

SINOPSIS KURSUS PUSAT KO-KURIKULUM

CCB2001 : Perancangan dan Pengurusan Acara

Kredit : 3
Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan kepada aspek perancangan dan pengurusan acara. Perkara-perkara asas penganjuran sesebuah acara termasuk penyediaan kertas kerja, penubuhan organisasi, perancangan aktiviti, perancangan belanjawan, tajaan dan penilaian tajaan, pemasaran dan publisiti, logistik dan teknikal dan protokol akan dibincangkan secara terperinci di dalam kursus ini. Diakhir kursus ini pelajar akan menganjurkan sebuah acara sebagai satu tugas.

CCB2002 : Teknik Lakon Pentas dan Skrin

Kredit : 3
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada asas dan gaya teknik lakonan untuk pentas dan televisyen. Pelajar- pelajar akan mengimplimentasikan kepelbagaian teknik dan gaya lakonan dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek penting dalam lakonan iaitu, pernafasan dan vokal, penggunaan fizikal, aplikasi ruang serta pemahaman watak. Pengerjaan lakonan akan merujuk kepada beberapa petikan teks drama samaada genre moden mahupun klasik. Penilaian pelajaran akan dijalankan dalam skala persembahan studio secara individu dan juga berkumpulan.

CCB2003 : Pengenalan Seni Persembahan Malaysia

Kredit : 3
Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar secara ringkas mengenai bentuk-bentuk seni persembahan yang terdapat di Malaysia. Silibus pengajaran dan pembelajaran menyentuh tentang kepelbagaian bentuk seni persembahan di Malaysia yang merangkumi seni teater, tari dan juga muzik. Pengetahuan akan diberikan kepada pelajar meliputi aspek sejarah, asal usul, struktur persembahan, pengaruh dan perkembangannya. Penerangan tentang kepercayaan animisme, ritual, semangat dan juga faktor keagamaan didedahkan kerana ini adalah titik tolak kepada permulaan seni persembahan di Malaysia.

CCB2004 : Pengurusan Seni dan Budaya

Kredit : 3
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada pembelajaran mengenai pengurusan dalam skop seni dan budaya. Para pelajar akan diperkenalkan kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan juga Dasar Industri Kreatif Negara. Pelajar juga akan didedahkan kepada kaedah pengurusan dan ruang lingkup kerja pengurusan. Silibus ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menerapkan kemahiran dan pengalaman melalui proses kerja praktik dan projek- projek yang dikendalikan secara berkumpulan.

CCB2005 : Asas Muzik Tradisional Melayu

Kredit : 3
Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada asas pembelajaran muzik tradisional Melayu di Malaysia. Pengenalan kepada beberapa ensemble muzik tradisional Melayu dengan member pendedahan asas dalam teknik talaan, asasribaan, asas

permainan alat muzik dalam ensemble muzik tradisional Melayu seperti WayangKulit, Makyung, Dikir Barat, Gamelan Melayu, Kompang, Rodat, Muzik Melayu Asli, Ghazal.

CCB2001 : Pengurusan Acara

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan kepada aspek perancangan dan pengurusan acara. Perkara-perkara asas penganjuran sesebuah acara termasuk penyediaan kertas kerja, penubuhan organisasi, perancangan aktiviti, perancangan belanjawan, tajaan dan penilaian tajaan, pemasaran dan publisiti, logistik dan teknikal dan protokol akan dibincangkan secara terperinci di dalam kursus ini. Diakhir kursus ini pelajar akan menganjurkan sebuah acara sebagai satu tugasan.

CCB2002 : Teknik Lakon Pentas dan Skrin

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada asas dan gaya teknik lakonan untuk pentas dan televisyen. Pelajar- pelajar akan mengimplimentasikan kepelbagaian teknik dan gaya lakonan dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek penting dalam lakonan iaitu, pernafasan dan vokal, penggunaan fizikal, aplikasi ruang serta pemahaman watak. Pengerjaan lakonan akan merujuk kepada beberapa petikan teks drama samaada genre moden mahupun klasik. Penilaian pelajaran akan dijalankan dalam skala persembahan studio secara individu dan juga berkumpulan.

CCB2003 : Pengenalan Seni Persembahan Malaysia

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar secara ringkas mengenai bentuk-bentuk seni persembahan yang terdapat di Malaysia. Silibus pengajaran dan pembelajaran menyentuh tentang kepelbagaian bentuk seni persembahan di Malaysia yang merangkumi seni teater, tari dan juga muzik. Pengetahuan akan diberikan kepada pelajar meliputi aspek sejarah, asal usul, struktur persembahan, pengaruh dan perkembangannya. Penerangan tentang kepercayaan animisme, ritual, semangat dan juga faktor keagamaan didedahkan kerana ini adalah titik tolak kepada permulaan seni persembahan di Malaysia.

CCB2004 : Pengurusan Seni dan Budaya

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada pembelajaran mengenai pengurusan dalam skop seni dan budaya. Para pelajar akan diperkenalkan kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan juga Dasar Industri Kreatif Negara. Pelajar juga akan didedahkan kepada kaedah pengurusan dan ruang lingkup kerja pengurusan. Silibus ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menerapkan kemahiran dan pengalaman melalui proses kerja praktik dan projek-projek yang dikendalikan secara berkumpulan.

CCB2005 : Asas Muzik Tradisional Melayu

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menumpukan kepada asas pembelajaran muzik tradisional Melayu di Malaysia. Pengenalan kepada beberapa ensemble muzik tradisional Melayu dengan memberi pendedahan asas dalam teknik talaan, asasribaan, asas permainan alat muzik dalam ensemble muzik tradisional Melayu seperti Wayang Kulit, Makyung, Dikir Barat, Gamelan Melayu, Kompang, Rodat, Muzik Melayu Asli, Ghazal.

CCB3222 : Seni Tari

Kredit : 3

Prasyarat : Tiada

Untuk memberi pendedahan serta pengetahuan dalam bidang seni tari yang diwarisi dan diamalkan oleh pelbagai kaum di Malaysia. Penekanan diberi kepada perkembangan serta susur galur seni tari rakyat yang berkembang di Malaysia.

CCP3311 : Pemimpin 1

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan tentang teori kepimpinan dan organisasi, tatacara mesyuarat, kaedah surat menyurat, kemahiran asas komunikasi, kemahiran membuat keputusan, tugas dan peranan pemegang jawatan dalam organisasi serta protokol majlis rasmi dan perancangan pelaksanaan aktiviti.

CCR2000 : Asas Kecergasan Fizikal

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan kepentingan aspek kecergasan fizikal sepanjang penglibatan dalam bidang sukan. Komponen asas kecergasan fizikal seperti pengetahuan anatomi tubuh, aplikasi jenis-jenis latihan, impak latihan terhadap fisiologi tubuh serta peranan diet dan nutrisi akan dibincangkan secara teori dan praktikal. Di akhir kursus ini pelajar mampu mempraktikkan jenis-jenis latihan dan mempamer sikap profesional yang bersesuaian dengan aktiviti sukan yang diceburi.

CCR2001 : Rekreasi Luar

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan menekankan tentang keperluan dan kemahiran asas dalam aktiviti berkaitan rekreasi luar. Kemahiran asas rekreasi luar termasuk perancangan program, perkhemahan, kembara, pertolongan cemas, ikhtiar hidup dan komunikasi akan dibincangkan secara teori dan praktikal melalui aktiviti kuliah, tugas dan latihan lapangan. Bagi melahirkan penggiat aktiviti luar yang bertanggungjawab, aspek perundangan, etika dan peranan dalam konservasi alam juga akan diberi penekanan. Hasil dari kursus ini pelajar mampu untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran rekreasi luar sama ada untuk tujuan riadah, sosial, menghadapi situasi kritikal atau sebagai satu cabang kerjaya.

CCR3000 : Pancing Rekreasi

Kredit : 3(2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan menekankan konsep asas, pendekatan dan etika dalam pancing rekreasi yang menjurus kepada pengurusan sumber perikanan secara lestari. Teknik dan amalan pancing rekreasi serta hubungkaitnya dengan kelestarian sumber perikanan akan dibincangkan secara terperinci. Maklumat yang diperolehi mampu membantu pelajar untuk memainkan peranannya dalam memastikan kelestarian sumber melalui aktiviti pancing rekreasi sama ada sebagai hobi atau kerjaya.

CCR3001 : Rekreasi Scuba dan Snorkeling

Kredit : 3 (2+1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan ciri-ciri serta teori umum dan asas, pendekatan dan etika dalam selam SCUBA dan 'Snorkeling'. Pelajar akan dapat memahami hubungkait pengurusan, peralatan, sistem, fisiologi dan fizik yang terlibat dalam selam SCUBA dan 'Snorkeling'. Maklumat yang diperolehi mampu menjadi panduan dalam selam SCUBA dan 'Snorkeling' sebelum pelajar meneroka ke laut. Di akhir kursus ini pelajar akan mampu untuk melaksanakan 'Discover SCUBA' dan 'Snorkeling' dengan penuh keyakinan.

CCS3511 : Renang Dan Keselamatan Air

Kredit : 3(1+2)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan kepentingan konsep asas renang dan keselamatan air. Komponen asas asas renang seperti pengetahuan prinsip-prinsip latihan kecergasan fizikal, aplikasi jenis-jenis teknik renang, bantuan kecemasan dan pengelolaan pertandingan dalam renang akan dibincangkan secara teori dan praktikal. Di akhir kursus ini pelajar

mampu mempraktikkan kemahiran teknik-teknik renang dan mempamer sikap profesional yang bersesuaian dengan aktiviti sukan yang diceburi.

CCU3161 : Suksis 1

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus Ujian Fizikal dan Temuduga

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai Organisasi pasukan Polis Diraja Malaysia, Akta Polis 1967. Pelajar juga akan dilatih untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas sebagai anggota Pasukan Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) dan kawad kaki dengan memberi penekanan kepada aspek keupayaan bekerja dalam pasukan serta mempunyai penampilan dan disiplin yang tinggi.

CCU3162 : SUKSIS 2

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3161

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus SUKSIS 1. Penerapan nilai etika dan moral didalam Pasukan Polis Diraja Malaysia ditekankan di samping memberi pendedahan tentang pengendalian asas beberapa jenis senjata api sesuai dengan keperluan dan fungsi anggota pasukan Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Latihan kawad dilanjutkan kepada kemahiran kawad senjata dengan penekanan kepada aspek keupayaan berperanan dalam pasukan serta mempunyai disiplin dan integriti yang tinggi.

CCU3163 : SUKSIS 3

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3162

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus SUKSIS 2. Ianya memberi pendedahan tentang asas ilmu kepolisan dan taktik pertahanan yang penting untuk mendepani musuh atau penceroboh. Latihan kawad dilanjutkan kepada kemahiran kawad pedang dan memberi penekanan kepada usaha menyungkil bakat-bakat kepimpinan yang mampu mengetuai pasukan.

CCU3164 : SUKSIS 4

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3163

Kursus ini adalah lanjutan dari kursus SUKSIS 3. Kursus ini lebih memberi pendedahan dari segi pengurusan perkhidmatan menjaga keamanan dan keselamatan negara PDRM serta Majlis Tamat Latihan. Kursus ini juga memberi ruang untuk pelajar mengorganisasikan pasukan kesukarelawan Polis dalam melaksanakan tugas dan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Segala operasi prosedur seragam diamalkan berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa. Pengenalan kepada Pelan Integriti Nasional ditekankan kepada pelajar agar dapat membina jati diri dengan modal insan yang cemerlang apabila tamat pengajian kelak.

CCU3171 : Palapes (TLDM) 1

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus Ujian Fizikal dan Temuduga

Kursus ini memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan divisyen askar wataniah di bawah struktur Kementerian Pertahanan Malaysia. Pelajar akan dilatih untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas sebagai anggota wataniah khususnya kemahiran berkawad dengan memberi penekanan kepada aspek keupayaan bekerja dalam pasukan serta mempunyai penampilan dan disiplin yang tinggi.

CCU3172 : Palapes 2

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3171

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus Palapes 1. Ianya memberi pendedahan tentang pengendalian asas beberapa jenis senjata api sesuai dengan keperluan dan fungsi anggota pasukan Psstldm dalam mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Latihan kawad dilanjutkan kepada kemahiran kawad senjata dengan penekanan kepada aspek keupayaan berperanan dalam pasukan serta mempunyai disiplin dan integriti yang tinggi.

CCU3173 : Palapes 3

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3172

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus Palapes 1 dan Palapes 2. Ianya memberi pendedahan tentang asas ilmu kelautan dan taktik peperangan yang penting untuk mendepani musuh atau penceroboh. Latihan kawad dilanjutkan kepada kemahiran kawad pedang dan memberi penekanan kepada usaha menyungkil bakat-bakat kepimpinan yang mampu mengetuai pasukan.

CCU3174 : Palapes 4

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3173

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus Palapes 1, Palapes 2 dan Palapes 3. Ianya memfokuskan kepada kemahiran merancang serangan atau mempertahankan pasukan dengan mengaplikasi ilmu Kelautan dan taktik peperangan. Latihan kawad dilanjutkan kepada kemahiran kawad tongkat dan memberi penekanan kepada usaha membentuk bakat-bakat kepimpinan yang berwibawa dan dihormati.

CCU3175 : Palapes 5

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus CCU3174

Kursus ini adalah lanjutan dari Kursus Palapes 1, Palapes 2, Palapes 3 dan Palapes 4. Ianyamemfokuskan kepada kemahiran merancang serangan atau mempertahankan pasukan dengan mengaplikasi ilmu Kelautan dan taktik peperangan. Latihan kawad dilanjutkan kepada kemahiran kawad tongkat dan memberi penekanan kepada usaha membentuk bakat-bakat kepimpinan yang berwibawa dan dihormati.

CCU3181 : Sispa 1

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus Ujian Fizikal dan Temuduga

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai organisasi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Antarabangsa, Akta Pertahanan Awam 1951 (Semakan 1979), Kaedah Pertahanan Awam Malaysia. Pelajar juga dilatih mengenai Asas Pertolongan Cemas, ektrikasi mengeluarkan mangsa dan kawad kaki dimana penekanan kepada aspek keupayaan bekerja dalam pasukan serta mempunyai penampilan dan disiplin yang tinggi.

CCU3191 : Wataniah 1

Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Lulus Ujian Fizikal dan Temuduga

Kursus ini memberi pendedahan tentang penerangan tentang struktur ringkas kementerian pertahanan Malaysia dan Kursus ini memberi pendedahan tentang fungsi dan peranan kor askar wataniah di bawah struktur Kementerian Pertahanan Malaysia. Pelajar akan dilatih untuk mengusai kemahiran-kemahiran asas sebagai anggota wataniah khususnya kemahiran berkawad dengan memberi penekanan kepada aspek pematuhan etika ATM

SENARAI KURSUS JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI

Kursus Elektif Universiti

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	BBB3105	Kemahiran Berfikir <i>Thinking Skills</i>	3(3+0)
2.	BBB3200	Bahasa Melayu Komunikatif <i>Communicative Malay Language</i>	4(4+0)
3.	BBB3201	Bahasa Melayu Ilmiah <i>Academic Malay Language</i>	3(3+0)
4.	BBB3202	Bahasa, Budaya dan Masyarakat <i>Language, Culture And Community</i>	3(3+0)
5.	BBB3300	Bahasa Arab Komunikatif <i>Communicative Arabic</i>	3(3+0)
6.	BBB3301	Bahasa Arab I <i>Arabic Language I</i>	2(2+0)
7.	BBB3302	Bahasa Arab II <i>Arabic Language II</i>	2(2+0)
8.	BBB3303	Bahasa Arab III <i>Arabic Language III</i>	2(2+0)
9.	BBB3400	Bahasa Jepun Komunikatif <i>Communicative Japanese</i>	3(3+0)
10.	BBB3401	Bahasa Jepun I <i>Japanese Language I</i>	2(2+0)
11.	BBB3402	Bahasa Jepun II <i>Japanese Language II</i>	2(2+0)
12.	BBB3403	Bahasa Jepun III <i>Japanese Language III</i>	2(2+0)
13.	BBB3500	Bahasa Mandarin Komunikatif <i>Communicative Mandarin</i>	3(3+0)
14.	BBB3501	Bahasa Mandarin I <i>Mandarin Language I</i>	2(2+0)
15.	BBB3502	Bahasa Mandarin II <i>Mandarin Language II</i>	2(2+0)
16.	BBB3503	Bahasa Mandarin III <i>Mandarin Language III</i>	2(2+0)

17.	BBB3600	Bahasa Perancis Komunikatif <i>Communicative French</i>	3(3+0)
18.	BBB3601	Bahasa Perancis I <i>French Language I</i>	2(2+0)
19.	BBB3602	Bahasa Perancis II <i>French Language II</i>	2(2+0)
20.	BBB3603	Bahasa Perancis III <i>French Language III</i>	2(2+0)
21.	BBB3700	Bahasa Sepanyol Komunikatif <i>Communicative Spanish</i>	3(3+0)
22.	BBB3701	Bahasa Sepanyol I <i>Spanish Language I</i>	2(2+0)
23.	BBB3702	Bahasa Sepanyol II <i>Spanish Language II</i>	2(2+0)
24.	BBB3703	Bahasa Sepanyol III <i>Spanish Language III</i>	2(2+0)
25.	COM2100	Penulisan dan Penyampaian Ucapan <i>Writing And Speech Presentation</i>	3(3+0)
26.	COM2101	Komunikasi Interpersonal <i>Interpersonal Communication</i>	3(3+0)
27.	COM2102	Asas Produksi Filem Dokumentari <i>Fundamentals Of Documentary Film Production</i>	3(2+1)
28.	COM3101	Komunikasi Kemanusiaan <i>Human Communication</i>	3(3+0)
29.	COM3102	Komunikasi Kumpulan Kecil <i>Small Group Communication</i>	3(3+0)
30.	COM3103	Business Communication	3(3+0)
31.	COM3104	Kemahiran Komunikasi <i>Communication Skills</i>	3(3+0)
32.	COM3105	Komunikasi Antarabudaya <i>Intercultural Communication</i>	3(3+0)
33.	COM3107	Penulisan Kreatif <i>Creative Writing</i>	3(3+0)

SINOPSIS KURSUS JABATAN BAHASA DAN KOMUNIKASI

BBB3105 : Kemahiran Berfikir

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada kepelbagaian aspek aras kognitif dalam berfikir serta kepelbagaian aspek soalan dan penyoalan yang menggerakkan akal dan fikiran untuk berfikir khususnya dalam bahasa. Fokus kursus memberi latar tentang konsep-konsep asas berfikir, teori dan model berfikir, jenis-jenis serta kepelbagaian alat untuk berfikir. Pelajar juga dibimbing ke arah meningkatkan keupayaan dan kebolehan berfikir daripada aras rendah kepada aras tinggi serta menggunakan bahasa dengan berkesan dalam menyampaikan idea-idea yang bernas secara lisan dan penulisan.

BBB3200 : Bahasa Melayu Komunikatif

Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini ditawarkan kepada pelajar luar negara yang ingin mempelajari asas-asas Bahasa Melayu yang digunakan dalam komunikasi harian sama ada dalam suasana formal atau tidak formal. Pelajar juga akan dilatih untuk membaca bahan-bahan bacaan yang mudah serta menulis karangan mudah. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan kepada beberapa aspek kebudayaan Melayu yang dianggap penting melalui tayangan video ceramah-ceramah serta lawatan.

BBB3201 : Bahasa Melayu Ilmiah

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Memberi fokus kepada aspek sejarah perkembangan bahasa Melayu secara umum sebagai pengenalan diikuti dengan pendedahan kepada aspek-aspek asas untuk berbahasa dengan betul dari segi penggunaan sistem ejaan baku bahasa Melayu dan kecekapan bahasa dari sudut morfologi dan sintaksis. Selanjutnya kepelbagaian aspek dalam penulisan yang meliputi laras-laras bahasa, wacana dan ketepatan penggunaan peristilahan juga mengenal pasti kesilapan berbahasa diberi fokus. Selain daripada itu kursus ini juga mendedahkan pelajar dengan teknik penulisan ilmiah dan seterusnya memberi peluang kepada pelajar menggunakan kemahiran generik secara logik, rasional dan kritikal untuk menghasilkan penulisan ilmiah.

BBB3202 : Bahasa, Budaya Dan Masyarakat

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membicarakan aspek sosiolinguistik yang memberi pendedahan kepada kepelbagaian aspek bahasa dan budaya dalam masyarakat. Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada aspek-aspek bahasa yang terbina berasaskan ciri-ciri budaya dan dipancarkan melalui penggunaannya oleh masyarakat bahasa. Fokus kursus memberi latar pengenalan kepada bidang sosiolinguistik dengan asas teori yang menjelaskan perkaitan di antara bahasa, budaya dan masyarakat serta fungsi dan hubungan bahasa dengan masyarakat. Pelajar-pelajar juga diberi pendedahan berhubung kepelbagaian dan kelainan bahasa serta pola-pola masyarakat bahasa juga adab dan tertib dalam kesantunan berbahasa. Seterusnya peranan, kedudukan, isu-isu serta tindakan memartabatkan bahasa Melayu secara khusus dalam negara juga dibincangkan. Tegasnya pelajar-pelajar dapat membina keyakinan dan kepercayaan untuk meneruskan perjuangan memartabatkan bahasa Melayu agar terpelihara dan kekal selaras dengan perkembangan zaman.

BBB3300 : Bahasa Arab Komunikatif

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang aspek asas pembelajaran bahasa Arab komunikatif. Pada awal kursus, pelajar diperkenalkan kepada perkataan dan frasa-frasa Arab yang mudah. Seterusnya pelajar didedahkan kepada penggunaan ayat-ayat asas bahasa Arab. Pada akhir kursus pelajar dilatih untuk berkomunikasi menggunakan perkataan-perkataan asas bahasa Arab dalam pelbagai konteks situasi.

BBB3301 : Bahasa Arab I

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus permulaan ini mendedahkan kepada pelajar tentang aspek asas pembelajaran bahasa Arab. Pada awal kursus, pelajar diperkenalkan kepada abjad-abjad Arab. Seterusnya pelajar didedahkan kepada perbendaharaan kata asas dan tatabahasa asas bahasa Arab. Pada akhir kursus pelajar dilatih untuk berkomunikasi menggunakan perkataan-perkataan asas bahasa Arab.

BBB3302 : Bahasa Arab II

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Arab I (BBB3301)

Kursus pertengahan ini membimbing pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka. Di sepanjang kursus pelajar akan didedahkan kepada perbualan-perbualan ringkas tentang tajuk-tajuk harian seperti makan pagi, makan tengah hari, makan malam dan sebagainya. Pelajar juga akan mempelajari tatabahasa asas bahasa Arab seperti kata nama, kata kerja dan kata tunjuk untuk tujuan komunikasi lisan dan penulisan.

BBB3303 : Bahasa Arab III

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Arab II (BBB3302)

Kursus lanjutan ini membimbing pelajar untuk terus meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka. Di sepanjang kursus pelajar berpeluang menambah perbendaharaan kata mereka apabila didedahkan dengan perbualan-perbualan yang sederhana panjang merangkumi tajuk-tajuk seperti lapangan terbang, kad kredit dan wang tunai. Pelajar juga mempelajari ilmu tatabahasa yang lebih kompleks untuk tujuan perbualan dan penulisan lanjutan.

BBB3400 : Bahasa Jepun Komunikatif

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar dengan asas-asas pertuturan yang digunakan dalam komunikasi harian untuk tujuan formal dan tidak formal. Pelajar juga dilatih untuk membaca bahan-bahan bacaan yang mudah untuk menyampaikan idea dan maklumat dalam pelbagai topik bagi situasi konteks tertentu.

BBB3401 : Bahasa Jepun I

Kredit : 2 (2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek-aspek asas pembelajaran bahasa Jepun yang meliputi pengenalan abjad, sebutan dan tulisan bahasa Jepun. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada perbendaharaan kata dan tatabahasa asas untuk tujuan berkomunikasi secara lisan dan penulisan dalam konteks mudah.

BBB3402 : Bahasa Jepun II

Kredit : 2 (2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Jepun I (BBB3401)

Kursus ini memberi pendedahan dengan lebih meluas serta membimbing pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun. Fokus pembelajaran memberi penekanan kepada penguasaan aspek-aspek perbendaharaan kata, tatabahasa serta kemahiran berkomunikasi dalam konteks situasi tertentu. Pendedahan ini dapat mengukuhkan penguasaan bahasa Jepun pelajar dalam keempat-empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

BBB3403 : Bahasa Jepun III

Kredit : 2 (2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Jepun II (BBB3402)

Kursus ini meningkatkan pengetahuan dan penguasaan bahasa Jepun pelajar pada tahap lanjutan. Pelajar-pelajar akan lebih mendalami aspek-aspek tatabahasa dan meningkatkan pengetahuan serta penggunaan dalam perbendaharaan kata. Mereka juga diberi latihan intensif untuk berkomunikasi secara lisan dan penulisan yang lebih kompleks dalam pelbagai konteks situasi formal dan tidak formal.

BBB3500 : Bahasa Mandarin Komunikatif

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek-aspek asas pembelajaran bahasa Mandarin yang meliputi pengenalan abjad, sebutan dan tulisan bahasa Mandarin. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada perbendaharaan kata dan tatabahasa asas untuk tujuan berkomunikasi secara lisan dan penulisan dalam konteks mudah.

BBB3501 : Bahasa Mandarin I

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada aspek-aspek asas pembelajaran bahasa Mandarin yang meliputi pengenalan abjad, sebutan dan tulisan bahasa Mandarin. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada perbendaharaan kata dan tatabahasa asas untuk tujuan berkomunikasi secara lisan dan penulisan dalam konteks mudah.

BBB3502 : Bahasa Mandarin II

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Mandarin I (BBB3501)

Kursus ini memberi pendedahan dengan lebih meluas serta membimbing pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin. Fokus pembelajaran memberi penekanan kepada penguasaan aspek-aspek perbendaharaan kata, tatabahasa serta kemahiran berkomunikasi dalam konteks situasi tertentu. Pendedahan ini dapat mengukuhkan penguasaan bahasa Mandarin pelajar dalam keempat-empat kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

BBB3503 : Bahasa Mandarin III

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Mandarin II (BBB3502)

Kursus ini meningkatkan pengetahuan dan penguasaan bahasa Mandarin pelajar pada tahap lanjutan. Pelajar-pelajar akan lebih mendalami aspek-aspek tatabahasa dan meningkatkan pengetahuan serta penggunaan dalam perbendaharaan kata. Mereka juga diberi latihan intensif untuk berkomunikasi secara lisan dan penulisan yang lebih kompleks dalam pelbagai konteks situasi formal dan tidak formal.

BBB3600 : Bahasa Perancis Komunikatif

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar dengan dialog-dialog dalam situasi tertentu yang digunakan dalam komunikasi harian yang berkaitan dengan kehidupan seorang pelajar. Pelajar juga akan dilatih membaca, menulis ayat mudah dalam pelbagai bentuk situasitertentu di samping diperkenalkan dengan sistem tatabahasa yang asas dalam pembelajaran bahasa Perancis.

BBB3601 : Bahasa Perancis I

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar dengan sistem bunyi, kosa kata dan struktur ayat asas dalam pelbagai situasi yang terdapat di dalam kehidupan seharian. Pelajar juga akan dilatih membaca bacaan yang mudah serta menulis ayat mudah dalam pelbagai bentuk.

BBB3602 : Bahasa Perancis II

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Perancis I (BBB3601)

Kursus ini menekankan kepada latihan tatabahasa dan kemahiran berkomunikasi menggunakan kata kerja yang lebih meluas dalam bentuk kala kini, kala lampau dan kala depan. Ia bertujuan meningkatkan kemahiran dan penguasaan pelajar dalam bahasa Perancis. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan pelbagai bahan bacaan yang bersesuaian bagi membantu penulisan ayat, surat tidak rasmi dan karangan pendek.

BBB3603 : Bahasa Perancis III

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Perancis III (BBB3602)

Kursus ini meningkatkan keupayaan pelajar untuk menguasai kemahiran Bahasa Perancis dalam aspek pemahaman teks, lisan dan penulisan. Pelbagai bahan bacaan yang lebih kompleks serta perbincangan yang lebih mencabar digunakan dalam pembelajaran. Pelajar juga dilatih untuk menghasilkan penulisan karangan menggunakan struktur tatabahasa yang betul dengan penyusunan yang gramatis bersesuaian dengan tahap pembelajaran.

BBB3700 : Bahasa Sepanyol Komunikatif

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus pengenalan kepada komunikasi asas dalam bahasa Sepanyol. Pembelajaran merangkumi perbualan harian yang menyentuh pelbagai topik dalam konteks budaya Sepanyol. Pelajar akan dilatih untuk bertutur dengan yakin dalam pelbagai konteks situasi.

BBB3701 : Bahasa Sepanyol I

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus permulaan di mana pelajar akan diperkenalkan kepada struktur dan sistem bahasa Sepanyol yang paling asas. Pembelajaran merangkumi tiga aspek bahasa iaitu kosa kata, tatabahasa dan kemahiran komunikasi untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa yang asas iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur di tahap permulaan.

BBB3702 : Bahasa Sepanyol II

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Sepanyol I (BBB3701)

Kursus ini ialah sambungan daripada kursus bahasa Sepanyol tahap I. Ia merupakan kursus pertengahan di mana pelajar akan diperkenalkan kepada struktur dan sistem bahasa Sepanyol yang lebih sukar. Pembelajaran merangkumi tiga aspek bahasa iaitu kosa kata, tatabahasa dan kemahiran komunikasi untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa yang asas iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur di tahap pertengahan.

BBB3703 : Bahasa Sepanyol III

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Lulus Bahasa Sepanyol II (BBB3702)

Kursus ini ialah sambungan daripada kursus bahasa Sepanyol tahap 2. Ia merupakan kursus tahap lanjutan di mana pelajar akan diperkenalkan kepada struktur dan sistem bahasa Sepanyol yang kompleks. Pembelajaran merangkumi tiga aspek bahasa iaitu kosa kata, tatabahasa dan kemahiran komunikasi untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa iaitu membaca, mendengar, menulis dan bertutur di tahap lanjutan.

COM2100 : Penulisan Dan Penyampaian Ucapan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk melatih para pelajar mempersiapkan diri dengan kemahiran menyediakan dan menyampaikan pengucapan awam. Kursus ini merupakan satu pengenalan kepada prinsip-prinsip pengucapan awam, penyelidikan dan pencarian bahan ucapan serta penyediaan ucapan. Ia juga merangkumi jenis-jenis ucapan seperti ucapan tanpa diduga, ucapan informatif, taklimat, ucapan memujuk dan ucapan di dalam krisis. Pelajar juga didedahkan kepada pelbagai kemahiran seperti latihan memberi taklimat, menyampaikan ucapan dan mengkritik ucapan. Selain itu, para pelajar juga diajar penggunaan vokal dan komponen bukan verbal dalam pengucapan. Penekanan juga diberikan kepada kemahiran mendengar, etika dan kredibiliti.

COM2101 : Komunikasi Interpersonal

Kredit : 3(3 + 0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk melatih pelajar menguasai strategi peningkatan kemahiran komunikasi interpersonal dalam pelbagai konteks melalui pendedahan kepada kepentingan ilmu komunikasi manusia, teori, mod dan proses komunikasi interpersonal. Kursus ini juga memberi penekanan kepada komunikasi verbal, bukan verbal dan pelbagai jenis interaksi dalam komunikasi. Selain itu, perbincangan mengenai teori dan proses persepsi, pengaruh peri laku interpersonal, pengurusan diri, pendedahan sendiri, perhubungan, keintiman dan persahabatan juga disentuh.

COM2102 : Asas Produksi Filem Dokumentari

Kredit : 3(2 + 1)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan berkaitan asas produksi video/filem dokumentari/drama. Penekanan diberikan berkaitan bekerja secara berkumpulan dalam pembikinan filem dokumentari/drama. Pelajar akan melakukan amali penghasilan filem dokumentari yang melibatkan pelbagai peringkat produksi. Medium dokumentari termasuklah alam tabie, flora dan fauna.

COM3101 : Komunikasi Kemanusiaan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pemahaman berkaitan dengan teori dan amalan kemahiran komunikasi dalam seting awam, kumpulan kecil dan interpersonal. Ia juga meliputi kajian proses komunikasi ucapan. Antara tajuk-tajuk perbincangan ialah proses komunikasi, komunikasi dalam seting organisasi, persepsi dan kesannya, mendengar(listening) dan perlakuan non-verbal.

COM3102 : Komunikasi Kumpulan Kecil

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar dengan konsep dan prinsip komunikasi kumpulan kecil; proses dan faktor pembentukan kumpulan yang kukuh dan cemerlang; iklim kumpulan dan faktornya; komunikasi bukan verbal; kaedah penyelesaian dalam kumpulan; pengurusan konflik, dan kepimpinan.

COM3103 : Business Communication

Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mengetengahkan asas Komunikasi perniagaan termasuk pembentangan, personel, penulisan dan kemahiran berkomunikasi dalam kumpulan. Pembentangan akan fokus kepada membina pembentangan, menyusun idea melalui lisan dan visual, penyampaian pembentangan dan ucapan berbentuk informative dan pemujukan. Komunikasi professional akan fokus kepada mesej lisan dan bukan lisan, pendengaran dan kemahiran interpersonal. Penulisan professional berfokus kepada menulis email yang efektif, mem, surat dan laporan. Komunikasi berkumpulan akan berfokus kepada bekerja dalam kumpulan dan mesyuarat yang berkesan. Peluang akan diberi untuk mengasah kemahiran membentang. Pelajar akan menyampaikan ucapan berbentuk informatif dan pemujukan. Perhatian khusus akan diberi untuk membina visual contohnya berbentuk Power Point dalam membantu pengucapan dan pembentangan.

COM3104 : Kemahiran Komunikasi

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk membina keyakinan diri pelajar dalam berkomunikasi. Kursus ini memberi tumpuan kepada strategi dan amalan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi lisan, bukan lisan dan kemahiran teknikal dalam pelbagai konteks komunikasi. Pelajar akan didedahkan kepada teknik berkomunikasi dalam perbualan harian, dalam kumpulan, dalam komuniti, di tempat kerja, dan di tempat awam. Pelajar dikehendaki mengaplikasikan teknik melalui latihan dalam kelas, perbincangan kumpulan, pembentangan awam dan kerja lapangan. Turut dibincangkan juga aspek kecerdasan emosi sebagai satu elemen penting untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi.

COM3105 : Komunikasi Antarabudaya

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pemahaman tentang proses komunikasi melampaui batas sempadan budaya dan tempat. Budaya merupakan pencetus dan produk kepada komunikasi yang sepatutnya dihargai dalam mempromosikan hubungan positif proses komunikasi dan perhubungan antarabudaya. Kursus ini secara khususnya membina kefahaman dalam proses komunikasi antarabudaya, menghargai pelbagai cara berkomunikasi dalam budaya masyarakat lain, membina kemahiran analitikal dalam mengkaji interaksi komunikasi antarabudaya dan juga meningkatkan kefahaman tentang isu-isu berkaitan kebudayaan yang mempengaruhi keberkesanan komunikasi.

COM3107 : Penulisan Kreatif

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi definisi dan konsep penulisan kreatif, penghayatan dan penilaian sesebuah karya yang berkualiti daripada aspek ekstrinsik (luaran) dan intrinsik (dalaman), dan penghasilan penulisan kreatif yang asli dari genre cerpen dan puisi.

SENARAI KURSUS JABATAN ILMU DASAR DAN PENDIDIKAN LIBERAL

Kursus Teras Universiti

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	PAL3000	Asas Keusahawanan	3

Kursus Elektif Universiti

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
1.	PAL3100	Pengurusan Air Dan Kehidupan	3(3+0)
2.	PAL3101	Udara Dan Komuniti	3(3+0)
3.	PAL3102	Sistem Arkib Sumber Tumbuhan	2(2+0)
4.	PAL3103	Pemikiran Ekonomi Biodiversiti	3(3+0)
5.	PAL3104	Ikan Dan Perikanan	3(3+0)
6.	PAL3105	Isu Dan Kepentingan Fauna Marin	3(3+0)
7.	PAL3106	Mikrob Dan Kehidupan	3(3+0)
8.	PAL3107	Tanaman Hiasan	3(3+0)
9.	PAL3108	Sains Makanan	3(3+0)
10.	PAL3109	Pengurusan Makanan Halal	3(3+0)
11.	PAL3110	Pemakanan Dan Gaya Hidup Sihat	3(3+0)
12.	PAL3111	Isu Dan Kepentingan Tanah Bencah	3(3+0)
13.	PAL3112	Kimia Dan Masyarakat	3(3+0)

14.	PAL3113	Fizik Dan Masyarakat	3(3+0)
15.	PAL3114	Organisma Invasif	2(2+0)
16.	PAL3115	Pembangunan Lestari	3(3+0)
17.	PAL3116	Haiwan dan Masyarakat (<i>Animals and Society</i>)	3(3+0)
18.	PAL3200	Kelestarian Ekonomi	3(3+0)
19.	PAL3202	Etika Dalam Organisasi	3(3+0)
20.	PAL3201	Pengenalan Perancangan Ekonomi	3(3+0)
21.	PAL3203	Kewangan Peribadi	2(2+0)
22.	PAL3204	Pemasaran Maya	3(3+0)
23.	PAL3205	Pelaburan Dalam Pasaran Kewangan	3(3+0)
24.	PAL3206	Pengurusan Kos Dalam Perniagaan	3(3+0)
25.	PAL3207	Perakaunan Untuk Usahawan	3(3+0)
26.	PAL3208	Prinsip Kewangan Islam	3(3+0)

SINOPSIS KURSUS JABATAN ILMU DASAR DAN PENDIDIKAN LIBERAL

PAL3000 : Asas keusahawanan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas bidang keusahawanan. Pelajar juga akan melakukan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada membina minda keusahawanan sebagai persediaan awal menempuhi alam kerjaya kelak

PAL3100 : Pengurusan Air Untuk Kehidupan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan kepada kepentingan pengurusan air yang melibatkan proses hidrologi air, pembekalan air bersih serta kepentingan rawatan air. Para pelajar akan menyedari keperluan air bagi komuniti dari segi kuantiti & kualiti air bersih, pembekalan & saliran air serta penyakit berkaitan air terutamanya yang akan disebabkan oleh air tidak dirawat dan air sisa domestik. Di akhir kursus ini, pelajar akan memahami prinsip asas sistem pengurusan air dan teknologi rawatan air serta kepentingan terhadap kelestarian pengurusan air sebagai sumber air bersih dan pengurusan air bagi mengelakkan bencana wabak, banjir dan sebagainya.

PAL3101 : Udara Untuk Komuniti

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini melibatkan asas kepada kualiti udara dan jenis-jenis bahan pencemar yang menjadikannya tercemar serta kesan-kesan kemudaratan kepada golongan umum. Para pelajar akan didedahkan mengenai komponen asas udara bersih serta sumber-sumber pencemar udara yang menyebabkan masalah global seperti jerebu, hujan asid, gangguan penglihatan, penipisan lapisan ozon dan perubahan cuaca. Pada akhir kursus ini, para pelajar akan lebih cakna kepada isu-isu berkenaan udara dan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi kesan pencemaran udara kepada individu persendirian sehingga ke peringkat global.

PAL3102 : Sistem Arkib Sumber Tumbuhan

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan isu dan cabaran dalam arkib maklumat bagi sumber tumbuhan yang dikutip dari lapangan untuk tujuan penyimpanan, perekodan dan perujukan. Pelajar akan dibimbing dengan pelbagai kaedah pengurusan dan penggunaan sumber maklumat terpendam pada sumber tumbuhan yang dikurasi. Dengan itu, pelajar dapat menggunakan kemahiran pengurusan arkib dalam mendepani cabaran sebagai seorang pengurus maklumat sumber tumbuhan di masa akan datang.

PAL3103 : Pemikiran Ekonomi Biodiversiti

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan, latihan asas dan kesedaran mengenai kepentingan penilaian ekonomi terhadap biodiversiti dan perkhidmatan-perkhidmatan ekosistem. Di dalam kursus ini pelajar akan mempelajari mengenai hubungan dinamik di antara manusia dan ekosistem, sumbangan biodiversiti kepada sosioekonomi manusia, kaedah penilaian ekonomi ke atas biodiversiti serta peranan polisi-polisi negara dan antarabangsa yang berkaitan dengan kepentingan biodiversiti. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat membincangkan keperluan dan kepentingan penilaian ekonomi biodiversiti dan mengaplikasikan kaedah asas penilaian ekonomi bagi tujuan keperluan pembuat dasar.

PAL3104 : Ikan dan Perikanan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pengenalan tentang ciri-ciri umum dan asas dalam mengenalpasti ikan. Di samping itu, sistem biologi yang terlibat dalam kelangsungan hidup ikan di dalam medium akuatik juga diberi penekanan. Pelajar berpeluang mengadakan lawatan ilmiah untuk lebih memahami kepentingan dan aktiviti perikanan di Malaysia. Hasil pembelajaran yang diperolehi daripada kursus ini dapat dimanfaatkan dalam mengenalpasti ikan untuk pelbagai kegunaan dan peranan dalam kehidupan manusia.

PAL3105 : Isu Dan Kepentingan Fauna Marin

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada kepelbagaian fauna (haiwan) marin dan perkaitannya dengan senario ekosistem kini. Di dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan kepada kepelbagaian haiwan marin, isu dan kepentingannya serta adaptasi mereka dengan ekosistem. Di akhir kursus ini, pelajar boleh mengaitkan dan menyelesaikan masalah alam sekitar terhadap kemandirian haiwan marin tersebut.

PAL3106 : Mikrob dan Kehidupan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada bidang mikrobiologi persekitaran dan kepelbagaian mikroorganisma bagi pengurusan sumber daya biologi dalam alam sekitar. Pelajar akan didedahkan kepada semua bidang pengajian tentang kebaikan dan keburukan mikroorganisma serta kesannya terhadap manusia dan alam sekitar. Di akhir kursus ini, pelajar dapat menghubungkan kepentingan mikroorganisma dalam kehidupan manusia.

PAL3107 : Tanaman Hiasan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang kepelbagaian tumbuhan hiasan dan konsep seni taman. Pelajar akan didedahkan mengenai jenis-jenis tumbuhan hiasan, keperluan asas pertumbuhan, cara penjagaan dan kaedah pembiakan. Panduan asas seni taman serta aplikasinya di pelbagai peringkat samada di rumah dan organisasi umum juga akan dibincangkan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan mengenai tumbuhan hiasan dan seni taman untuk menghasilkan taman hiasan yang menarik.

PAL3108 : Sains Makanan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan bidang Sains Makanan, hubung kait dan kepentingan bidang-bidang Sains Makanan kepada perkembangan industri makanan dan status pemakanan masyarakat. Pelajar akan didedahkan kepada komposisi asas makanan khususnya air, karbohidrat, protein, lipid, enzim, vitamin, mineral, pigmen, perisa, bahan toksik semulajadi, bahan pencemar dan aditif makanan. Peranan komponen tersebut dalam system makanan dan kesan pemakanan terhadap status kesihatan. Pendedahan tentang komoditi makanan, faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti makanan dan unit operasi yang terlibat dalam pemprosesan makanan, perkembangan semasa juga peluang kerjaya dalam bidang Sains Makanan juga akan dibincangkan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasi pengetahuan tentang makanan dalam kehidupan harian.

PAL3109 : Pengurusan Makanan Halal

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan konsep makanan halal dan haram dalam hokum dan perundangan Islam. Pelajar akan didedahkan kepada konsep toyibban iaitu kesucian, amalan kebersihan dan kehidupan yang sihat serta 'halalan', sumber makanan halal dan haram, kaedah penyembelihan halal, konsep pemprosesan makanan halal dari ladang kepinggan, ramuan dan aditif makanan halal. Pelajar juga akan mempelajari peraturan dan perundangan berhubung dengan makanan halal, analisis, piawaian makanan halal MS 1500:2009, persijilan dan logo halal, kaitan halal dengan kualiti dan insentif produk halal. Isu semasa dalam industry dan pasaran makanan halal global juga akan dibincangkan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasi pengetahuan tentang makanan halal dalam kehidupan harian.

PAL3110 : Pemakanan dan Gaya Hidup Sihat

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengenalan kepada pelajar mengenai bidang pemakanan bermula daripada pemilihan makanan, pencernaan dan bagaimana makanan yang diambil boleh mempengaruhi berat badan, kesihatan dan kehidupan. Kursus ini juga akan membincangkan mengenai komponen-komponen makanan, keperluan pemakanan seharian, prinsip keseimbangan tenaga, cara pengurusan berat badan iaitu untuk tujuan pengurangan dan penambahan berat badan serta amalan gaya hidup sihat. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka tentang pemilihan makanan dan aktiviti fizikal yang sesuai untuk pengurusan berat badan dan membentuk kehidupan yang sihat.

PAL3111 : Isu Dan Kepentingan Tanah Bencah

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membolehkan pelajar memahami bahagian yang paling penting dalam prinsip-prinsip ekologi tanah bencah. Ia juga menyediakan beberapa penyatuan dan kepaduan dalam kajian ekologi tanah bencah. Menekankan ciri-ciri utama tanah bencah, menangani faktor sekitaran yang mengawal ciri-ciri tersebut, juga menggambarkan beberapa kerangka kerja yang besar untuk mengkaji hubungan di antara ciri-ciri ekologi dan pemuliharaan biologi.

PAL3112 : Kimia dan Masyarakat

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan kefahaman dan kesedaran tentang penggunaan bahan kimia dalam kehidupan harian serta kesan sampingannya. Di dalam kursus ini pelajar akan mempelajari beberapa aspek kimia dalam beberapa produk harian seperti karbon dalam berlian, kimia dalam perisa dan pewangi dan kimia dalam ubat-ubatan. Beberapa bidang kimia dari perspektif kehidupan harian turut dibincangkan seperti petroleum dan bahan bakar, polimer dan plastik, karbon monoksida dan asap, alkohol dan isu pemanduan dan dadah yang menagihkan. Di akhir kursus ini pelajar akan dapat mengenalpasti beberapa bahan kimia berbahaya dan menilai kesan negatifnya terhadap kesihatan.

PAL3113 : Fizik Dan Masyarakat

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Menerangkan teori asas dan prosedur-prosedur dalam mengenal pasti peluang dan masalah pemasaran. Membincangkan kaedah penyelesaian sistematik dengan reka bentuk penyelidikan, pengukuran dan penskalaan,

pembentukan instrumen, pengumpulan data, penganalisaan serta membuat keputusan dan penyediaan laporan penyelidikan.

PAL3114 : Organisma Invasif

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan organisma invasif dan isu-isu semasa yang berkaitanya. Kursus meliputi aspek asal usul, ciri-ciri organisma invasif dan kesan impaknya terhadap ekosistem dan kehidupan manusia sejagat. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat meningkatkan kesedaran dan mengenalpasti cara pengurusan untuk menangani isu-isu organisma invasif demi keseimbangan ekosistem.

PAL3115 : Pembangunan Lestari

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pendedahan tentang konsep kelestarian dalam kehidupan manusia. Pelajar akan diberikan kefahaman tentang pendekatan pembangunan lestari yang cuba menyeimbangkan interaksi di antara implikasi proses fizikal alam sekitar, ketersediaan sumber kepelbagaian biologi dan keperluan sosio-ekonomi kehidupan manusia. Akhirnya, kesedaran pelajar akan dipupuk terhadap kepentingan mewujudkan keseimbangan dan kelestarian pembangunan sosio-ekonomi dalam ruang lingkup alam sekitar demi penjaminan kualiti dan kesinambungan kehidupan manusia di muka bumi ini.

PAL3116 : Haiwan dan Masyarakat

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Memberi pendedahan berkaitan kepentingan haiwan-haiwan (haiwan peliharaan, haiwan ternakan dan haiwan liar) terhadap kehidupan manusia dan sumbangan terhadap pertumbuhan ekonomi dan hal-ehwal keselamatan negara. Perubahan sikap, norma-norma dan amalan oleh manusia terhadap haiwan juga dibincangkan.

PAL3200 : Kelestarian Ekonomi

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada pelajar mengenai evolusi ideologi pembangunan ekonomi menuju kepada pembangunan mapan menerusi kelestarian ekonomi. Di dalam kursus ini, pelajar akan diperjelaskan mengenai perbezaan pembangunan ekonomi konvensional dengan pembangunan ekonomi yang juga menekankan kepada pembangunan manusia dan sosial di samping memelihara alam sekitar. Pencapaian kelestarian ekonomi menerusi konsep ekonomi hijau dan ekonomi biru akan diberi penekanan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat membincangkan asas pembangunan kelestarian ekonomi (ekonomi hijau dan ekonomi biru), teori-teori asas berkaitan pembangunan kelestarian ekonomi, matlamat pencapaian kelestarian ekonomi, polisi-polisi berkaitan pembangunan kelestarian ekonomi serta pengurusan dalam pembangunan ekonomi biru terutamanya berkaitan pembangunan ekonomi marin.

PAL3201 : Pengenalan Perancangan Ekonomi

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan asas tentang perancangan ekonomi Negara. Beberapa konsep asas dalam perancangan seperti perancangan kewangan, pelaburan, perdagangan dan mobiliti sumber dibincangkan. Aspek-aspek kecekapan seperti kawalan sosio terhadap perniagaan, produktiviti dan jenis-jenis persaingan juga dibincangkan dalam pengajaran. Pada akhir kursus, pelajar akan mendapat pendedahan tentang proses perancangan ekonomi dan pengubalan sesuatu dasar negara serta boleh menghuraikan tentang perbezaan perancangan mengikut amalan sistem ekonomi dan masa.

PAL3202 : Etika Dalam Organisasi

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan peranan dan kesan pengamalan etika dalam organisasi. Ia juga akan membincangkan cabaran –cabaran yang dihadapi oleh individu dalam mengejar matlamat hidup, dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh organisasi dalam mengejar matlamat organisasi untuk memberi yang terbaik kepada pemegangtaruh dan keuntungan tertinggi yang boleh dicapai. Matlamat ini adakalanya melibatkan berlakunya pertembungan dengan nilai-nilai yang dipegang oleh individu, masyarakat dan organisasi. Kes-kes yang menjadi tajuk-tajuk utama berita akan digunapakai untuk menggambarkan pertembungan-pertembungan ini. Kes-kes akan digunakan sebagai contoh amalan etika dan situasi.

PAL3203 : Kewangan Peribadi

Kredit : 2(2+0)

Prasyarat : Tiada

Objektif kursus ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan peribadi. Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan perancangan kewangan peribadi; membina kekayaan; asas simpanan; perancangan untuk ketidakpastian; asas pinjaman; mengurus kehidupan dan mengatasi masalah kewangan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menyediakan pelan kewangan peribadi sendiri; menguruskan sumber-sumber kewangan serta membuat keputusan kewangan peribadi yang bijak.

PAL3204 : Pemasaran Maya

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini direkabentuk bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas pemasaran menggunakan media sosial. Kursus ini akan meninjau landskap media sosial sebagai satu cara yang efektif untuk menyampai dan menerima mesej pemasaran dengan lebih berkesan. Di akhir kursus pelajar akan dapat pengetahuan asas tentang pemasaran digital yang menampilkan penggunaan teknologi yang terkini dan berkesan. Dengan itu pelajar akan dapat melihat media sosial dengan cara yang lebih luas dan terkini.

PAL3205 : Pelaburan Dalam Pasaran Kewangan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan asas pelaburan dalam pasaran kewangan yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan (keuntungan) dan meminimumkan risiko (kerugian). Tumpuan kursus ialah kepada instrumen pelaburan di pasaran kewangan, hubungan di antara pulangan dan risiko, strategi pelaburan, pengurusan dan penilaian pelaburan. Di akhir kursus, pelajar akan mampu memilih instrumen dan strategi pelaburan yang bertepatan dengan matlamat pelaburan.

PAL3206 : Pengurusan Kos Dalam Perniagaan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan konsep-konsep kos dalam perniagaan dan kaitannya dengan perancangan keuntungan. Di dalam kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan sistem pengekosan, elemen-elemen kos dalam perniagaan, sistem pengekosan produk, penentuan dalam kos, volum dan untung, dan teknik untuk merancang keuntungan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat mengaplikasikan konsep kos serta teknik-teknik yang boleh digunakan dalam merancang keuntungan perniagaan.

PAL3207 : Perakaunan Untuk Usahawan

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini direkabentuk untuk memberi pengetahuan dan pendedahan perakaunan kepada pelajar bukan perakaunan. Kursus ini merangkumi peranan perakaunan sebagai input penting dalam perniagaan, kitaran perakaunan, prinsip catatan bergu, penyediaan penyata kewangan, pengurusan tunai dalam perniagaan, serta analisis penyata kewangan. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat menyediakan penyata kewangan dengan baik.

PAL3208 : Prinsip Kewangan Islam

Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membicarakan prinsip pembiayaan dan pelaburan dalam sistem kewangan Islam. Topik utama yang akan dibincangkan termasuk peraturan yang dikenakan oleh Syariah ke atas urusan ekonomi dan kewangan, konsep perniagaan dalam Islam dan instrumen kewangan Islam seperti murabahah dan musawamah. Di akhir kursus ini, pelajar akan dapat memahami dan membezakan prinsip kewangan Islam berbanding konvensional.